

AL-HIKMAH

Jilid 16 ISSN 1985-6822 2024M
No. 1 1445H

- SOROTAN KARYA BERSISTEMATIK KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP KESIHATAN MENTAL DI MALAYSIA ... 1-21
Siti Nurfatin Norasid & Muhamad Faisal Ashaari
- TEMA DAKWAH DALAM GALERI MUZIUM PAHANG ... 22-34
Azman Yusof, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Siti Maimunah Hj Kahal
- KONSEP PEMBELAJARAN TAUHID DALAM MASYARAKAT MENERUSI LAGU “TOMBO ATI” KARYA SUNAN BONANG... 35-50
Indriya, Reynaldo Anggi Permana, Chika Amara Dina Inayah & Nayla Dewi Vursita
- KAJIAN PENGHAYATAN IBADAH DAN KEMAHIRAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PENDUDUK PULAU TINGGI, MERSING JOHOR ... 51-67
Naemah Hamzah, Ahmad Che Yaacob & Nurul Hajar Jamaluddin
- PENDEKATAN DAKWAH TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ KEPADA SAUDARA BARU DI KELANTAN ... 68-87
Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, Nur Syazana Adam & Nur Farha Muhammad Faleh Lai

Kajian Penghayatan Ibadah dan Kemahiran Al-Quran dalam Kalangan Penduduk Pulau Tinggi, Mersing Johor

A Study of The Appreciation of Worship and the Skills of al-Qur'an Among the Residents of Pulau Tinggi, Mersing Johor

NAEMAH HAMZAH, AHMAD CHE YAACOB & NURUL HAJAR
JAMALUDDIN

ABSTRAK

Projek Penyelidikan dan *University Social Responsibility* (USR) digabungkan menjadi satu untuk memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan kerohanian dan jati diri muslim di Pulau Tinggi Mersing Johor. Projek ini melibatkan sembilan program yang dijalankan selama empat hari tiga malam secara bersemuka dengan penduduk kampung. Program yang terlibat ialah (1) Program Tahsin al-Fatihah; (2) Program Bengkel Pengurusan Jenazah; (3) Program Inovasi EKSA Bilik Kemahiran al-Quran Sekolah Agama Pulau Tinggi; (4) Program Smart Solat; (5) Program Penyelidikan Tahap Penghayatan Ibadah dalam Kalangan Penduduk Pulau Tinggi; (6) Solat Berjemaah, Solat Terawih dan Qiamullail; (7) Majlis Khatam al-Quran; (8) Iftar Sekampung dan yang terakhir program (9) Sumbangan Asnaf. Kajian Penghayatan ibadah dan Kemahiran al-Quran melibatkan 92 responden kajian dalam kalangan penduduk kampung. Metodologi kajian menggunakan soal selidik dan temu bual. Soal selidik disasarkan secara rawak kepada penduduk kampung yang beragama Islam dan berumur tujuh tahun dan ke atas. Sementara, kaedah temu bual dilakukan kepada Ketua Kampung Pulau Tinggi, Penghulu pulau-pulau, seorang guru Sekolah Kebangsaan Pulau Tinggi dan seorang guru Sekolah Agama Pulau Tinggi untuk mendapatkan data sokongan kajian. Hasil kajian dapat melihat bahawa tahap penghayatan ibadah adalah berada pada tahap sederhana dari segi kemahiran membaca al-Quran, penghayatan solat lima waktu, solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid. Antara kekangan yang berlaku adalah disebabkan faktor pekerjaan penduduk yang utama sebagai nelayan mempunyai jadual pekerjaan yang tidak menentu. Cadangan agar projek ini diteruskan secara berkala untuk membantu penduduk kampung di samping projek pembangunan ekonomi penduduk juga mestilah diigatkan secara bersama.

Kata kunci: Penghayatan ibadah, kemahiran al-Quran, Pulau Tinggi

ABSTRACT

The Research Project and the University Social Responsibility (USR) were combined into one to have a greater impact on the spiritual and identity development of Muslims in Pulau Tinggi Mersing Johor. The project involved nine programmes conducted for four days and three nights face-to-face with the villagers. The programme involved is (1) Tahsin al-Fatihah Programme; (2) Funeral Management Workshop Programme; (3) EKSA Innovation Programme of the Quran Skills Room of the Pulau Tinggi Religious School; (4) Smart Prayer Program; (5) Research Programme on the Level of Appreciation of Worship among the residents of Pulau Tinggi; (6) Congregational Prayer, Terawih and Qiamullail Prayer; (7) Khatam al-Quran Council (8) Village Iftar and the last program (9) Asnaf Donation. The Study of Worship Appreciation and Al-Quran Skills involved 92 study respondents among the villagers. The research methodology uses questionnaires and interviews. Questionnaires were randomly targeted at Muslim villagers aged seven years and above. Meanwhile, the interview method was conducted to the Head of the Pulau Tinggi Village, the Penghulu of the islands, a teacher of the Pulau Tinggi National School and a teacher of the Pulau Tinggi Religious School to obtain data to support the study. The results of the study can see that the level of appreciation of worship is at a moderate level in terms of the ability to read the Quran, the appreciation of five daily prayers, Friday prayers and congregational prayers in the mosque. Among the constraints that occur is due to the employment factor of the main population as fishermen who have an uncertain work schedule. The proposal that this project be continued periodically to help the villagers in addition to the economic development project of the population must also be jointly intensified.

Keywords : *Appreciation of worship, Al-Quran skills, Pulau Tinggi*

Received : 28 February 2024
Accepted : 26 June 2024

Revised : 9 March 2024
Published : 30 June 2024

PENDAHULUAN

Penghayatan dalam beribadah merupakan konteks penting bagi membentuk sesebuah masyarakat yang mengamalkan ajaran sebenar yang dibawakan oleh Nabi Muhammad SAW ke dalam kehidupan sehari-hari mereka. Sesuai dengan itu, orang yang beragama dikaitkan sebagai manusia yang memiliki ketenangan zahir dan batin (H. Ibrahim Lubis, 1982: 27). Walaupun ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW menekankan penghayatan yang mendalam dalam ibadah sebagai asas pembentukan masyarakat yang tenang zahir dan batin, masih terdapat kekurangan dalam penghayatan tersebut dalam kalangan sesetengah komuniti. Program universiti bersama masyarakat atau University for Society merupakan program yang dapat membantu sesebuah komuniti itu berkembang berdasarkan perkongsian

kepakaran dan pemindahan ilmu. University for Society merupakan inisiatif KPT yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti. Sinergi ini bermatlamatkan untuk menyelesaikan permasalahan sebenar dalam komuniti setempat dengan menghubungkaitkan teori dan praktis (KPT, 2020).

Pulau Tinggi merupakan sebuah komuniti terpencil, mungkin menghadapi cabaran unik dalam mengekalkan tahap penghayatan ibadah yang tinggi. Ia adalah sebuah pulau peranginan yang terletak di Daerah Mersing, Johor, Malaysia. Beberapa program berkaitan ibadah telah dikongsikan dengan sama penduduk ini seperti Program Smart Solat, Bengkel Tahsin Surah al-Fatihah dan beberapa program lain. Ia dijalankan pada bulan Ramadan termasuklah program Iftar dan Kenduri Sekampung. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meninjau sejauh mana tahap pengetahuan tentang solat dan kemahiran ilmu al-Quran di kalangan penduduk Pulau Tinggi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penghayatan ibadah penduduk serta faktor-faktor yang mempengaruhi penghayatan tersebut, dengan harapan dapat menyumbang kepada usaha meningkatkan kesedaran dan pengamalan ajaran Islam yang sebenar dalam kehidupan sehari-hari mereka.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pulau Tinggi ialah sebuah pulau peranginan berbentuk bujur yang terletak di Daerah Mersing, Johor, Malaysia. Pulau Tinggi terletak berhampiran dengan beberapa pulau lain iaitu Pulau Besar, Pulau Rawa dan Pulau Sibu. Ianya terletak kira-kira 20 batu nautika (37km) dari Selatan Tenggara Mersing di pantai timur Johor, Malaysia. Pulau ini mempunyai kira-kira 160 penduduk kampung yang tersebar diwakili oleh 3 buah kampung iaitu Kampung Tanjung Balang (Kampung Induk), Kampung Pasir Panjang dan Kampung Sebirah. Pulau rangkaian antara Pulau Tinggi ialah Pulau Ibol, Pulau April, Pulau Mentigi, Pulau Nanga Kecil, Pulau Nanga Besar, Pulau Penyabong, Pulau Simbang, Pulau Lanting, Batu Murau, Batu Gebang. Perjalanan ke pulau ini memakan masa 45 minit daripada Mersing. Pedalaman pulau diselaputi oleh hutan tanah pamah. Titik tinggi pulau ini ialah 2000 kaki (600m) dari aras laut dan ianya mempunyai 771.885 hektar. Selain itu, Pulau Tinggi juga kaya dengan buah-buahan, rotan, kayu balak, serta gua dan terumbu karang di samping kepelbagai hidupan laut. Ia juga mempunyai sebuah pelabuhan perlindungan di garis lautnya yang panjang. Rajah 1 di bawah menunjukkan kedudukan Pulau Tinggi dalam Daerah Mersing, Johor.



Rajah 1: Kedudukan Pulau Tinggi dalam Daerah Mersing, Johor

Pulau Tinggi ditadbir oleh beberapa pegawai kerajaan yang telah dilantik iaitu Ahli Parlimen, ADUN, Pegawai Daerah, Penghulu Pulau-pulau, ADO dan Ketua Kampung. Di Mersing, terdapat lima buah pulau yang diduduki penduduk antaranya ialah Pulau Sibu, Pulau Pemanggil, Pulau Aur, Pulau Besar dan Pulau Tinggi. Setiap pulau akan diketuai oleh seorang ketua kampung yang dilantik oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Sebelum dilantik, mereka akan mengadakan proses pengundian untuk menentukan siapa yang lebih layak untuk memimpin pulau-pulau tersebut. Penghulu bagi pulau-pulau ditugaskan untuk menjaga kelima-lima pulau tersebut dari segi kebersihan, pengurusan serta pentadbiran.

Pulau ini mempunyai kira-kira 200 penduduk kampung yang tersebar diwakili oleh 3 buah kampung iaitu Kampung Tanjung Balang (Kampung Induk), Kampung Pasir Panjang dan Kampung Sebirah. Pada masa kini, penduduk di Kampung Tanjung Balang (Kampung Induk) adalah seramai 36 keluarga, Kampung Pasir Panjang adalah seramai 5 buah keluarga manakala di Kampung Sebirah mempunyai hanya satu keluarga sahaja. Penduduk di kawasan ini semuanya adalah kaum Melayu.

Secara keseluruhannya, terdapat kira-kira 47 unit rumah pelbagai jenis di kampung-kampung tersebut. Dari segi bahan binaan, terdapat yang diperbuat daripada batu, rumah kayu dan rumah yang bahagian-bahagian rumahnya adalah daripada kayu dan batu. Keseluruhan kemudahan dan infrastruktur di Pulau Tinggi terletak di Kampung Tanjung Balang yang merupakan kampung induk. Terdapat lapan daripada 12 kemudahan yang biasa terdapat di sesuatu tempat kediaman iaitu kemudahan sekolah rendah penempatannya di Sekolah Kebangsaan Pulau Tinggi, Sekolah Agama, sebuah masjid, sebuah balai raya, sebuah pondok polis, sebuah klinik kesihatan dan dua lokasi tapak perkuburan.

Populasi masyarakat Pulau Tinggi didominasi oleh kaum melayu dan majoriti kaumnya ialah Melayu Asli. Mereka memonopoli bidang perniagaan seperti kedai runcit dan kedai makan. Selain itu, pekerjaan mereka lebih kepada nelayan dan hasil tangkapan laut. Perniagaan istimewa atau popular di Pulau Tinggi ialah penjualan di kedai makan. Mereka menawarkan pelbagai menu yang menarik dan hasil tangkapan yang segar dijadikan juadah. Selain itu, air kelapa dan *coconut shake* juga menjadi salah satu tarikan pelancong yang bercuti di pulau tersebut.

Pulau Tinggi mempunyai sebuah masjid yang boleh menempatkan lebih kurang 50 orang penduduk kampung. Ia terletak di tengah-tengah kampung dan berhadapan dengan jeti Pulau Tinggi. Masjid Pulau Tinggi juga terletak bersebelahan dengan SK Pulau tinggi dan bersebelahan dengan kubur lama. Masjid tersebut menyediakan infrastruktur seperti tandas lelaki dan wanita, tempat mengambil wuduk dan tempat memandikan jenazah. Aktiviti ekonomi kampung adalah tertumpu kepada perkara yang berasaskan pertanian, perniagaan, dan nelayan. Aktiviti ekonomi kampung yang utama adalah nelayan. Hasil tangkapan laut tidak akan dijual di darat, ianya hanya dijual di Pulau Tinggi sahaja. Para nelayan akan memproses sendiri hasil tangkapan laut yang ditangkap untuk dijual. Sebagai contoh, mereka akan memproses ikan yang ditangkap untuk dijadikan ikan masin dan untuk dijual. Pada masa yang sama, setiap nelayan akan disediakan satu pangkalan untuk meletakkan bot masing-masing.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pulau Tinggi telah diisyiharkan sebagai Taman Laut. Justeru itu, pulau-pulau di sekitar Pulau Tinggi didapati menghadapi beberapa masalah, antaranya termasuklah penghijrahan keluar penduduk pulau sehingga menyebabkan hari ini terdapat beberapa buah pulau yang tidak lagi berpenghuni. Malah, bagi pulau yang masih berpenghuni pula, bilangan penduduknya adalah tersangat sedikit (Azima et. Al, 2011). Bilangan penduduk di Pulau Tinggi Mersing ini adalah seramai 100 orang atau 30 buah keluarga.


Lokasi Pulau Tinggi ini melibatkan perjalanan selama 45 minit daripada jeti Mersing dengan kos sebanyak RM700 menaiki bot pergi dan balik. Jarak perjalanan dan kos yang tinggi menyukarkan aktiviti dakwah dan pembangunan kerohanian penduduk. Kedudukan tempat ini berada di pulau dan menyebabkan perhubungan dengan daratan yang agak terhad. Menurut Ketua Kampung, undangan penceramah luar bagi tujuan meningkatkan kefahaman penduduk adalah sukar disebabkan faktor kos yang tinggi dan jarak yang jauh daripada daratan.

Selain itu, kemudahan infrastruktur di pulau tersebut adalah terhad bagi tujuan perkembangan intelektual dan kerohanian. Terdapat hanya sebuah masjid yang tidak dilengkapi kemudahan seperti bilik pengurusan jenazah dan ruang solat serta ruang wuduk yang mesra muslimah. Perkara ini menjadi antara permasalahan yang menyukarkan penduduk kampung untuk hadir ke majlis ilmu bagi tujuan pembelajaran fardu ain.

Permasalahan menjalankan tuntutan fardu ain seperti Solat Jumaat dan Solat Lima Waktu juga disebabkan oleh faktor pekerjaan. Kebanyakan penduduk di pulau ini adalah nelayan. Nelayan akan keluar awal pagi dan kembali semula ke rumah lewat petang. Kefahaman masyarakat berkaitan tanggungjawab utama sebagai muslim untuk menjaga solat di tahap yang rendah berdasarkan pemerhatian awal dan temubual bersama ketua kampung. Lokasi kajian ini merupakan lokasi yang termasuk dalam sasaran pihak Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) untuk diberikan perhatian untuk menyebarkan dakwah Islam melibatkan penghayatan ibadah.

KERANGKA KONSEP KAJIAN

Teori kajian ini diambil berdasarkan pandangan ulama (al-Qardawi, 1995; Abdul Karim Zaidan, 2000; al-Ghazali, 2004: 2001; al-Nawawi, 2008; 2007; al-Khin dan al-Bugha, 1998; 2008; al-Zuhaili, 1985; al-Shafi'i, tt). Pembinaan jati diri Muslim yang syumul dalam Islam adalah bergantung kepada boleh ubah bebas melibatkan penghayatan ibadah menerusi ibadah wajib dan sunat. Rajah 1 di bawah adalah konsep kajian ini.



Rajah 1 : Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini melibatkan penekanan kepada penghayatan dan ketaatan kepada ibadah wajib dan sunat khususnya penghayatan al-Quran sebagai medium pembentukan akhlak muslim. Teori Ibadah dalam Al-Quran dan Hadis. Al-Quran menyediakan dasar utama untuk pemahaman ibadah dalam Islam. Ayat-ayat Al-Quran menjelaskan berbagai bentuk ibadah, seperti solat, puasa, zakat, dan haji, serta menekankan pada pentingnya menghayati ibadah dengan sepenuh hati. Hadis Nabi Muhammad SAW memberikan penjelasan lebih rinci tentang bagaimana melaksanakan ibadah. Hadis-hadis

ini menyediakan contoh praktis dan nasihat tentang cara menghayati ibadah secara mendalam. Teori Maqasid al-Shariah (Tujuan Hukum Islam). Deskripsi Maqasid al-Shariah adalah konsep yang menekankan pada tujuan dan maksud di sebalik hukum Islam. Ulama yang menekankan pada maqasid al-shariah menganalisis bagaimana ibadah dapat membantu mencapai tujuan utama Islam, yaitu menciptakan kemaslahatan dan mencegah kerosakan. Dengan memahami maqasid al-shariah, individu dapat mengetahui bagaimana menghayati ibadah sebagai alat untuk mencapai kesejahteraan personal dan sosial. Ulama yang menekankan pada maqasid al-shariah sering kali menekankan pada pentingnya keadilan, kesejahteraan, dan keserasian sosial. Rujukan-rujukan utama tentang teori-teori ini termasuk karya-karya dari ulama besar seperti Imam Al-Ghazali, Imam Syafi'i, Imam Malik, Imam Abu Hanifah, dan Imam Ahmad bin Hanbal, serta teks-teks klasik seperti "Ihya Ulum al-Din" oleh Imam Al-Ghazali dan "Al-Muwatta" oleh Imam Malik.

Kefarduan yang menjadi rukun termasuk dalam Rukun Islam yang lima iaitu solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, membayar zakat dan haji. Surah al-Hajj (22:77) bermaksud, "Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat, dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk." Ayat ini menekankan pentingnya melaksanakan ibadah solat dan menunaikan zakat, serta penghayatan terhadap ibadah secara kolektif. Disokong dengan hadis yang bermaksud, :Dirikanlah Islam atas lima (rukun) : Syahadah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahwasanya Muhammad itu Rasulullah, dan mendirikan sembahyang, dan mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji di Baitullah, dan berpuasa di bulan Ramadan (Bukhari dan Muslim). Hadis ini menerangkan berkaitan dasar-dasar agama Islam dan asas-asas hukumnya yang mesti dipelajari oleh umat Islam (An-Nawawi, 2008). Kewajipan pertama ialah solat lima waktu. Dalam bahasa Arab, solat bermaksud doa (Abu Malik Kamal, 2012; al-Khin dan al-Bugha, 1998; 2008); dan menjadi kunci utama kejayaan manusia di muka bumi baik lelaki mahu pun wanita (al-Hashimi, 2005). Jelasnya, jati diri muslim cemerlang terhadap Allah SWT ialah tidak memperseketukanNya dengan segala sesuatu (al-Jazairi, 2010; al-Buty, 1996); melakukan ibadah tanpa rasa malas, lemah dan suka bertangguh-tangguh, rasa tanggungjawab, rasa kecintaan kepada Allah SWT dan RasulNya, sentiasa berserah diri (al-Syarif, 2002; al-Ghazali, 1990; Mohd Ismail, 1999); beriman, bertakwa, istiqamah (Mohd Ismail, 1999); mensyukuri nikmat kurniaan Allah SWT, mengakui Allah Maha Berkuasa, ikhlas melakukan ketaatan dan bersangka baik (al-Jazairi, 2010; Mohd Ismail, 1999).

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan dalam mendapatkan data di lapangan, penulis menggunakan kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temubual dan soal selidik.

a. Reka Bentuk

Kaedah temu bual dilakukan ke atas Ketua Kampung Pulau Tinggi, Penghulu pulau-pulau, DHO, guru Sekolah Kebangsaan Pulau Tinggi dan guru Sekolah Agama Pulau Tinggi hal ini kerana adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang Pulau Tinggi dan membincangkan tentang kerjasama antara semua pihak. Kaedah soal selidik pula dilakukan ke atas penduduk-penduduk kampung Pulau Tinggi yang mempunyai seramai 47 buah keluarga. Bilangan penduduk seramai 200 orang, dan 50 daripadanya adalah kanak-kanak di bawah umur 6 tahun. Kanak-kanak di bawah umur 6 tahun tidak termasuk di bawah sasaran peserta kajian. Hal ini bertujuan untuk mengetahui tahap penghayatan ibadah dan kemahiran al-Quran penduduk kampung tersebut. Seramai 92 orang daripada 150 orang penduduk yang berumur 7 tahun ke atas telah menjawab soal selidik yang telah diberikan. Sampel kajian berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian (Krejcie & Morgan 1970, m.s.607-610).

b. Populasi dan Sampel

Sebanyak 92 orang daripada 200 orang responden yang terlibat dalam kajian ini Kajian ini melibatkan semua penduduk kampung yang tinggal dan menetap di Pulau Tinggi, Mersing, Johor.

c. Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Borang soal selidik ini telah diedarkan secara rawak kepada penduduk kampung Pulau Tinggi melalui pelbagai pendekatan. Sebagai peserta program-program yang dilaksanakan, pengkaji telah meminta penduduk kampung untuk menjawab soal selidik tersebut selepas program berakhir. Pengkaji juga meminta para peserta yang ditugaskan untuk pergi rumah ke rumah setiap penduduk untuk mengedarkan soal selidik tersebut dan menjawabnya.

Borang ini mengandungi lima bahagian iaitu bahagian A,B,C,D dan E. Bahagian A merupakan soalan latar belakang responden. Ia mengandungi enam item iaitu jantina, umur, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan ibu bapa dan taraf penduduk. Pada bahagian B pula pengkaji telah memilih beberapa item yang sesuai dengan objektif program dan ia mengandungi 10

persoalan berkaitan dengan penghayatan ibadah responden. Manakala Bahagian C pula terdapat dua faktor pendorong kepada responden mengenai kemahiran al-Quran. Pengkaji juga menambah Bahagian D iaitu faktor-faktor pelaksanaan ibadah untuk mengetahui tahap pelaksanaan responden. Bahagian terakhir adalah Bahagian E mengenai cadangan, komen dan pendapat penambahbaikan penghayatan ibadah di Pulau Tinggi. Tidak timbul sebarang masalah sama ada responden memberi apa-apa respons dalam bahagian ini atau langsung tidak memberikan apa-apa respons. Ini kerana bahagian ini hanya ruangan pendapat sahaja.

HASIL KAJIAN

a. Latar Belakang Responden

Latar belakang kajian melibatkan statistik jantina, umur dan tahap pendidikan diterangkan dalam Jadual 1 berikut. Seramai 92 orang daripada 150 orang responden telah menjawab statistik jantina. Sebanyak 61 peratus responden dari kalangan lelaki manakala 39 peratus responden dari kalangan perempuan. Kebanyakan yang menjawab soal selidik tersebut adalah dalam kalangan responden yang berumur 21-30 tahun yang mempunyai peratusan sebanyak 27 peratus. Peratusan yang tertinggi pada tahap pendidikan adalah sebanyak 43 peratus. Kebanyakan responden memiliki tahap pendidikan hanya di sekolah rendah sahaja. Minoriti dari kalangan responden adalah bertaraf pendidikan sehingga sarjana muda. Ringkasan keterangan merujuk kepada Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Latar Belakang Responden Kajian

Bil	Kategori	Perkara	%
1.	Jantina	Lelaki	61%
		Perempuan	39%
2.	Umur	>60	5%
		51-60	11%
		41-50	8%
		31-40	22%
		21-30	27%
		<10	13%
3.	Pendidikan	Sarjana Muda	4%
		Diploma	7%

		Sijil	3%
		STPM	8%
		SPM	14%
		Sekolah	64%

b. Penghayatan Ibadah Penduduk Kampung

Penghayatan ibadah penduduk kampung dilihat dari aspek kepatuhan solat 5 waktu, waktu solat yang ditinggalkan, kekerapan meninggalkan solat, dan sebab meninggalkan solat. Kebanyakan responden melakukan solat fardu lima kali sehari semalam. Hanya beberapa responden sahaja yang meninggalkan satu hingga 3 solat fardu. Antara solat fardu yang sering ditinggalkan adalah solat Subuh dan solat Asar. Ini kerana kebanyakan responden terlajak tidur pada waktu Subuh atau pergi turun ke laut untuk bekerja. Kekerapan yang meninggalkan solat bagi responden adalah kebanyakan kadang-kadang. Peratusan sebanyak 83 peratus untuk kekerapan kadang-kadang bagi yang meninggalkan solat. Kebanyakan para responden meninggalkan solat adalah disebabkan oleh mereka yang terlalu sibuk bekerja. Ini kerana kebanyakan dari responden adalah nelayan dan masa mereka lebih kepada keberadaan mereka di atas air seperti keterangan Jadual 2.

Jadual 2: Jadual Penghayatan Ibadah Solat Lima Waktu

Bil	Kategori	Perkara	%
1.	Solat 5 Waktu	5 waktu	39%
		4 waktu	26%
		3 waktu	16%
		2 waktu	4%
		1 waktu	7%
		Tidak Solat	8%
2.	Sebab Meninggalkan Solat	Tidak Tahu Solat	3%
		Sibuk Bekerja	73%
		Sengaja	20%

		Ikut Kawan	4%
3.	Kekerapan solat yang ditinggalkan	Subuh	44%
		Zuhur	21%
		Asar	14%
		Maghrib	11%
		Isyak	10%
4.	Kekerapan Meninggalkan Solat	Kadang-Kadang	83%
		Selalu	17%

c. Puasa

Kebanyakan responden meninggalkan puasa Ramadan adalah disebabkan oleh mereka tidak larat kerana melakukan kerja yang berat. Peratusan bagi yang kerja berat adalah sebanyak 39 peratus manakala sebanyak 30 peratus tidak berpuasa kerana sakit seperti keterangan Jadual 3.

Jadual 3 : Menunjukkan Sebab Responden Meninggalkan Puasa Ramadan.

Sebab Meninggalkan Solat	Sengaja	Kurang Bimbingan	Sakit	Tidak Tahan Lapar	Kerja Berat
	3%	3%	30%	25%	39%

d. Kemahiran al-Quran

Peratus kekerapan yang membaca al-Quran adalah sebanyak 61 peratus bagi jarang-jarang dan sebanyak 16 peratus responden tidak pernah. Manakala responden yang membaca al-Quran setiap hari sebanyak 16 peratus dan sebanyak 9 peratus membaca al-Quran seminggu sekali. Majoriti tahap kemahiran al-Quran adalah yang boleh membaca tetapi tidak lancar seramai 44 peratus dan yang hanya boleh membaca iqra' adalah seramai 30 peratus manakala minoriti yang boleh membaca dengan lancar dan bertajwid adalah seramai 26 peratus seperti Jadual 4.

Jadual 4: Menunjukkan Kemahiran Membaca al-Quran dalam Kalangan Penduduk

Kekerapan Membaca Al-Quran	Setiap Hari	Seminggu Sekali	Jarang-Jarang	Tidak Pernah
	14%	9%	61%	16%
Tahap Kemampuan Membaca	Iqra'	Boleh Membaca Tetapi Tidak Lancar	Lancar & Bertajwid	
	30%	44%	26%	

e. Faktor-faktor Pelaksanaan Ibadah

Kebanyakan yang membantu responden dalam perkembangan ibadah mereka adalah guru sekolah iaitu sebanyak 38 peratus dan ibu bapa serta ahli keluarga juga membantu dengan peratusan sebanyak 33 peratus. Seramai 89 peratus responden melakukan ibadat wajib atau sunat dengan kesedaran dan kemahuhan diri sendiri manakala seramai 11 peratus responden melakukan ibadat wajib atau sunat tanpa kesedaran dan kemahuhan sendiri. Sebanyak 77 peratus responden tidak menunaikan solat lima waktu hanya jika disuruh sahaja dan hanya 23 peratus dari responden menunaikan solat lima waktu apabila disuruh sahaja. Sebanyak 93 peratus dari responden menjawab bahawa program keagamaan di sekolah dapat membantu meningkatkan amalan dan penghayatan mereka dalam ibadah manakala hanya tujuh peratus sahaja yang menjawab tidak. Majoriti responden menjawab bahawa program keagamaan di masjid dapat membantu meningkatkan amalan dan penghayatan mereka dalam ibadah. Majoriti responden belajar cara-cara beribadah melalui media sosial seperti TV, Internet, WhatsApp dan lain-lain. Majoriti dari responden belajar cara-cara beribadah melalui bimbingan rakan-rakan mereka dan perbezaan antara jawapan ya atau tidak hanya 12 peratus sahaja. Majoriti dalam kalangan responden merasa tenang ketika mereka melakukan ibadah. Majoriti responden berpendapat bahawa bangunan dan kemudahan masjid yang sedia perlu ditambahbaik. Ini dapat dilihat dalam Jadual 5.

Jadual 5: Faktor-faktor Pendorong Pelaksanaan Ibadah

Bil.	Faktor Pendorong	Ya	Tidak
1.	Kefahaman kewajipan ibadah dengan Kesedaran dan kemahuhan sendiri	89	11

2.	Responden Melakukan Ibadah Jika disuruh sahaja	77	23
3.	Kesan Penganjuran Program Keagamaan di Sekolah	93	7
4.	Kesan Penganjuran Program Keagamaan di Masjid	92	8
5.	Peranan Media Sosial	62	38
6.	Peranan Bimbingan Rakan	56	44
7.	Responden Merasa Tenang Ketika Melakukan Ibadah	98	2
8.	Responden Tambahbaik Kemudahan Masjid	76	24

Hasil data Bahagian E, memberikan cadangan dan maklum balas daripada responden. Antara cadangan yang dikemukakan ialah menyediakan tirai untuk pengasingan tempat solat lelaki dan perempuan. Terdapat juga responden yang mencadangkan agar dipasangkan penghawa dingin di masjid tersebut untuk merik minat penduduk kampung untuk sama-sama berjemaah setiap hari. Di samping itu, terdapat juga responden yang mencadang untuk menambah selipar untuk ke tandas bagi kegunaan pengunjung. Selain itu, beberapa responden mencadangkan supaya masjid tersebut untuk membuat kelas-kelas khas seperti kelas tajwid, kelas mengaji, kelas agama dan lain-lain yang berkaitan dengan penambahbaikan penghayatan ibadah.

PERBINCANGAN

Secara umumnya kajian ini merujuk kepada penghayatan ibadah penduduk kampung yang berada di pedalaman. Kajian ini menyokong teori kajian yang memerlukan kefahaman penduduk terhadap asas ibadah dan sokongan daripada pelbagai pihak untuk memastikan urusan ibadah asas dapat dihayati sepenuhnya. Selain itu, kajian ini juga menyokong empat dimensi insan cemerlang melibatkan rohani, fizikal, emosi dan akal (al-Ghazali, 2004: 2001; al-Nawawi, 2008; 2007; Mohd Ismail, 2006). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penduduk kampung mempunyai kesedaran berkaitan ibadah yang tinggi. Di samping tetap memberikan sokongan kepada aktiviti keagamaan terutamanya melibatkan pengukuhan berkaitan ibadah dan belajar kemahiran membaca al-Quran. Melalui pemerhatian pengkaji semasa berada di Pulau Tersebut, penduduk kampung memberi sokongan kepada semua program pembangunan jati diri muslim yang dianjurkan antaranya pengurusan jenazah, solat terawih, qiamullail, tazkirah dan kenduri sekampung serta majlis khata'at al-Quran.

Pemerhatian semasa Kem Smart Solat juga mendapat komitmen daripada guru dan pelajar sekolah agama. Kebanyakan pelajar mampu menguasai asas solat dan asas membaca al-Quran dengan baik. Justeru itu, komitmen berpanjangan daripada institusi masjid dan pendidikan di pulau tersebut mempunyai peranan yang besar dalam membantu perkembangan ibadah penduduk melalui sesi pembelajaran formal dan tidak formal. Malahan 20% penduduk bersetuju bahawa peranan asatizah luar pulau juga sangat penting untuk membantu memberikan kefahaman berkaitan agama Islam. Cuma, melibatkan kos yang tinggi. Justeru itu, menjadi peranan pada pendakwah untuk menyebarluaskan syiar Islam bukan sahaja melibatkan kawasan yang mudah untuk dihadiri tetapi juga melibatkan kawasan yang terpencil dan sukar seperti kawasan pulau dan pendalamam. Jelas di sini peranan menggerakkan dakwah dalam kalangan pemimpin dan komuniti setempat untuk memberikan kefahaman berkaitan ibadah dan gaya hidup seorang muslim yang sebenar. Pihak berkuasa juga wajar menaiktaraf infrastruktur masjid dan surau serta kemudahan di sekolah bagi tujuan meningkatkan kefahaman berkaitan Islam dan jati diri.

Secara umumnya, dapatan kajian ini adalah selari dan menyokong konsep kajian yang dikemukakan berkaitan kepentingan penghayatan ibadah dan kemahiran al-Quran dalam kalangan penduduk pulau. Asas ini akan membentuk jati diri muslim yang cemerlang untuk mereka meneruskan kehidupan. Al-Jazairi (2010) membuktikan bahawa kecemerlangan individu muslim bergantung kepada penghayatan akidah, ibadah dan akhlak. Kejayaan manusia juga bergantung kepada hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia (al-Nawawi, 2006; al-Qaradawi, 1995; al-Ghazali, 1990). Oleh kerana itu, kerangka teori kajian dan hasil dapatan kajian adalah tepat. Kajian ini menunjukkan bahawa kecemerlangan muslim yang cemerlang adalah melibatkan penghayatan ibadah.

Tidak kurang juga peranan yang dimainkan oleh para penjaga dan ibu bapa juga menunjukkan kepentingan peranan dalam pendidikan awal dan model kepada anak-anak. Hal ini disokong oleh peranan seorang suami dalam rumah tangga. Suami wajib memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada isteri dan keluarga (Md. Nurul Huda, 2012; Zeenath, 2002; Abdullah Nasih Ulwan, 1998; Ghazali, 1997). Nafkah berbentuk pendidikan ialah mendidik agar mentaati Allah dan RasulNya, mengamalkan akhlak mulia dan meningkatkan tahap kesihatan diri dan keluarga (Abdullah Nasih Ulwan, 1998). Justeru itu, pendidikan anak-anak juga dimasukkan dalam tugas bersama di antara suami dan isteri dalam keluarga. Pendidikan anak-anak menurut Mohd Hamid dan Khaulah (1994) termasuklah pendidikan dari aspek jasmani, rohani, agama, akhlak, masyarakat dan akal. Lantaran itu, Islam mewajibkan ibu bapa memberi nafkah dan mendidik anak-anak supaya taat kepada perintah Allah SWT dan

berakhhlak mulia (Mohd Hamid dan Khaulah, 1994; al-Khin dan al-Bugha, 1998; 2008).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian berkaitan penghayatan ibadah dalam kalangan komuniti ini adalah sangat penting bagi mengenalpasti sejauhmana kefahaman agama masyarakat semasa. Dapatan kajian ini boleh memandu pelbagai agensi bertanggungjawab untuk menyusun strategi dakwah dalam membantu masyarakat agar keluar daripada masalah asas berkaitan ibadah terutamanya. Kajian seumpama ini seharusnya dilakukan di semua kawasan terutamanya kawasan yang berada di lokasi yang terpencil. Sasaran dakwah hendaklah dilakukan mencakupi golongan yang baru memeluk agama Islam (Mualaf) iaitu mereka yang dijinakkhan hati mereka dengan Islam dan tidak ketinggalan kepada individu muslim yang telah dilahirkan sebagai muslim. Jelasnya, penghayatan ibadha asas berjaya mewujudkan masyarakat yang seimbang dari segi rohani dan jasmani terutamanya dalam kalangan muslim.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Pusat Islam, UTM yang telah membiayai penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan. 1998. *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*. (Terjemah Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD. Jld 1.
- Al-Buty, Muhammad Sa‘id Ramadan. 1996. *Al-Mar‘ah Bainā Thu‘yan al-Nizam al-Gharbi wa Lataifi al-Tashri‘i al-Rabbani*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 2004. *Bimbingan Mukmin*. (Terjemah Oleh Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Al-Hashimi, Muhammad Ali. 2005. *The Ideal Muslimah, Syakhsiyah al-Mar‘ah al-Muslimah*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House (IIPH).
- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir. 2010. *Ensiklopedia Fikah, Manhaj Peribadi Muslim*. Selangor: Pustaka Dini.

- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa, dan ‘Ali al-Sharbaji. 2008. *Kitab Fekah Mazhab Syafie*. (Terjemah oleh Ridzuan Hashim), Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- al-Nawawi, Abi Zakaria Yahya bin Syaraf. tt. *Al-Azkar al-Muntaqab Min Kalami Saidi al-Abرار*. Al-Mansurah: Dar al-Ghadir li al-Tiba‘ah wa al-Nashru wa al-Attauzi‘i.
- Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin Sharaf. tt. *Al-Majmu’ Sharhu al-Muhazzib*. Madinah: Maktabah al-Salfiah.
- Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin Sharaf. 2008. *Hadith Empat Puluh*. (Terjemah oleh Mustafa Abdul Rahman), Selangor: Dewan Pustaka Fajar (DBF).
- Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin Sharaf. 2006. *Ringkasan Riyadhus al-Solihin*. (Terjemah Syaikh Yusof al-Nabhani). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Al-Shafi‘i, al-Imam Abu ‘Abdullah Muhammad Idris. tt. *Al-Umm*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Dauiyyah.
- Al-Shafi‘i, al-Imam Abu ‘Abdullah Muhammad Idris. tt. *Al-Umm*. (Terjemah TK.H. Ismail Yakub SH-MA). Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Al-Qardawi, Yusof. 1995. *Fatwa Masa Kini*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Abu Malik Kamal, al-Sayid Salim. 2012. *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah (Terjemah Mohd Sofwan Amirullah)*. Selangor: JASMINE Enterprise.
- Azima Abdul Manaf, Mohd Samsuddin & Mustaffa Omar. Kesan Pewartaan Taman Laut Ke Atas Penduduk Pulau Tinggi, Mersing, Johor (Marine Park Gazzettement Impacts on Pulau Tinggi Community in Mersing, Johor) Journal of Tropical Marine Ecosystem 1(2011):35-43
- H. Ibrahim Lubis. 2009. *Agama Islam: Suatu Pengantar*. Jakarta Timur: Ghalia Indonesia.
- Kamus Dewan Online. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword>.
- Md. Nurul Huda. 2012. *Islamic Philosophy of Shariah Law*. London, United Kingdom: Koros Press Limited.
- Mohd Hamid, N., & Khaulah, A. Q. D. 1994. *Tarbiyatul Atfal fi Rihabil Islam fi al-Baiti wa al-Raudah*. Maktabah al-Sawadi li al-Tauzi, Jeddah.
- Mohd Ismail Mustari. 2006. *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Zaidan, Abdul Karim. 2000. *Al-Mufasal fi Ahkam al-Mar‘ati wa al-Baiti al-Muslim*. Beirut: al-Resalah Publishers.
- Zeenath Kausar. 2002. *Woman’s Empowerment and Islam: The UN Beijing Document Platform for Action*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.

Senarai Pengarang:

Dr. Naemah Hamzah (Penulis Penghubung)
Timbalan Pengarah Pusat Islam
Universiti Teknologi Malaysia,
Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
E-mel: naemah@utm.my

Prof. Madya Dr. Ahmad bin Che Yaacob
Pengarah
Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia,
Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
E-mel: ahmadcy@utm.my

Nurul Hajar Jamaluddin
Pembantu Tadbir
Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia,
Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
E-mel: nurulhajar@utm.my